

**EMBARGO  
SEHINGGA  
UCAPAN SELESAI**



**TEKS UCAPAN**

**YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI  
MENTERI KERJA RAYA  
SEMPENA**

**MAJLIS PENYERAHAN PROJEK  
PEMBINAAN SEKOLAH BAHARU 36 BILIK DARJAH  
DAN LAIN - LAIN KEMUDAHAN**

**SEKOLAH KEBANGSAAN PUTRAJAYA PRESINT 8(3),  
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

**15 JANUARI 2026 | KHAMIS | 9.00 PAGI**

Terima kasih saudara/saudari pengacara majlis.

**(SALUTASI DISEDIAKAN BERASINGAN)**

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih atas jemputan bagi menghadiri program yang bersejarah pada pagi ini dalam **Majlis Penyerahan Projek Pembinaan Sekolah Baharu 36 Bilik Darjah Dan Lain - Lain Kemudahan Di Sekolah Kebangsaan Putrajaya, Presint 8(3)**. Ia merupakan satu lagi pencapaian yang amat bermakna buat kita semua, dalam usaha berterusan Kerajaan untuk menyediakan kemudahan pendidikan yang moden serta berkualiti kepada rakyat.
2. Di kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberi sumbangan dalam kejayaan projek ini, khususnya kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) atas kepercayaan serta kerjasama erat yang diberikan, serta sentiasa bersama-sama Kementerian Kerja Raya (KKR) dalam pelaksanaan projek infrastruktur pendidikan di

seluruh negara. Tidak dilupakan setinggi-tinggi penghargaan kepada pasukan Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia, pihak kontraktor iaitu *MLT Resources* Sdn. Bhd bersama para perunding yang dilantik, Perbadanan Putrajaya serta agensi-agensi lain yang terlibat.

3. Tahniah juga diucapkan kepada semua pihak atas komitmen tinggi dan kerjasama penuh yang telah diberikan. Usaha gigih dan semangat berpasukan inilah yang memastikan projek ini dapat disiapkan dengan jayanya serta memberi manfaat kepada warga Putrajaya serta masyarakat setempat.
4. Majlis pada hari ini bukan sekadar simbol penyerahan sebuah projek infrastruktur pendidikan, tetapi ia turut menjadi lambang kejayaan dan sinergi kesepaduan bersama, yang datangnya dari sifat integriti, ketekunan, disiplin dan keberanian menggalas tanggungjawab dengan penuh integriti oleh semua. Hasilnya adalah sebuah projek kita pada hari ini, memberikan peluang pendidikan yang lebih selesa, selamat dan kondusif kepada generasi muda demi kelangsungan masa hadapan negara.

YBhg. Datuk Seri, Datuk, Tuan, Puan yang dihormati,

## **ASPIRASI DAN PENCAPAIAN**

5. Dalam pelaksanaan projek ini, **pendekatan pembinaan mampan** telah diterapkan melalui penggunaan **komponen Sistem Binaan Berindustri (IBS)** yang bukan sahaja mempercepatkan tempoh pembinaan, malah **mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing** semasa fasa pembinaan.
6. Projek ini juga telah mencapai **tiga pencapaian utama secara serentak (3-dalam-1)**, merangkumi **Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC)** yang dikeluarkan pada **2 Januari 2026**; **Lukisan Siap Bina (As-Built Drawing)** yang disiapkan sepenuhnya **sebelum pengeluaran CPC**; dan **Penyata Akaun Muktamad (SOFA)**. Selain itu, pelaksanaan projek ini turut menghasilkan **nilai tambah dari aspek keselamatan, pengurusan aset dan kebolehkendalian operasi**, antaranya **Zero Lost Time Injury (LTI)** direkodkan sepanjang tempoh **524,638 jam pekerja (man-hours)**, dan lain-lain.

7. Untuk makluman bagi **tahun 2025**, saya dimaklumkan **projek di bawah kategori *Quick Win*** Jabatan Kerja Raya untuk projek – projek **KPM** adalah sebanyak **219 projek**, di mana **127 projek melibatkan Program Menangani Isu Sekolah Berkepadatan Tinggi** manakala **92 projek lagi adalah Program Pembinaan Dewan Serbaguna Terbuka Berbumbung**.
8. Memasuki **tahun 2026**, Kementerian Kerja Raya akan mengekalkan momentum ini melalui tindakan segera bagi memastikan setiap projek dilaksanakan dengan pantas dan efisien. **Sehingga kini, Cawangan Kerja Pendidikan (CKP), JKR telah menyenaraikan sebanyak 129 projek baharu di bawah program yang sama.** Kita mensasarkan proses iklan diselesaikan selewat-lewatnya pada **Februari 2026**, manakala pengeluaran Surat Setuju Terima (SST) pada Mac 2026.
9. Perancangan ini membuktikan keupayaan dan komitmen utuh KKR dalam menjayakan kerangka Malaysia MADANI serta inisiatif #MADANI Deliver JKR. Usaha-usaha ini juga adalah selari dengan agenda **Transformasi Perkhidmatan Awam MADANI** yang

sentiasa menekankan kecekapan dalam perkhidmatan dan memberi impak kepada rakyat.

10. Sekali lagi, saya ingin **merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan projek ini.** Untuk rekod, sepanjang tahun 2025 sebanyak 177 projek pendidikan telah diserahkan kepada KPM. **Tahniah dan syabas sekali lagi kepada Cawangan Kerja Pendidikan JKR, semua pejabat *Head of Design Team* (HODT) seluruh pasukan JKR W.P. Putrajaya, pihak pelanggan Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Putrajaya, Pihak Berkuasa Tempatan, pihak kontraktor dan perunding yang dilantik.** Dengan terbinanya sekolah ini, saya yakin ia bakal menjadi **mercu tanda pendidikan baharu di Putrajaya.**

## **PENUTUP**

9. Akhir bicara, saya mendoakan agar Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 8(3) ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh warga sekolah dan komuniti sekitar. Terima kasih sekali lagi saya ucapkan kepada pihak KPM kerana terus memberi kepercayaan kepada KKR untuk merealisasikan hasrat kerajaan. Besar harapan saya agar sinergi ini

akan kekal berterusan. Semoga Sekolah Kebangsaan Putrajaya, Presint 8(3) ini menjadi sebuah pusat ilmu dan pembangunan modal insan yang memberi manfaat besar kepada masyarakat dan negara.

10. Mudah-mudahan segala usaha kita dalam membangunkan projek sebegini akan terus diberkati dan menjadi pendorong untuk kita semua dalam melaksanakan lebih banyak projek pembangunan negara dengan penuh integriti, profesionalisme dan dedikasi.

Sekian, Terima Kasih